



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

**NUZUL AL QURAN DAN MALAM "LAILATUL QADAR"
ANUGERAH AGUNG ALLAH DI BULAN RAMADAN"**

Siri: 18/2021

18 Ramadan 1442 H

Bersamaan

30 APRIL 2021

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA
TERENGGANU**

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah DILARANG. Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali RUKUN, AYAT AL-QURAN dan helaian muka surat yang diterima.

Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَى عَبْدِهِ الْكِتَابَ وَلَمْ يَجْعَلْ لَهُ عِوَجًا *

قِيَمًا لِيُنذِرَ بَأْسًا شَدِيدًا مِمَّنْ لَدُنْهُ وَيُبَشِّرَ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا حَسَنًا

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ نَبِيَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ
بِإِحْسَانٍ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.

أَمَّا بَعْدُ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوهُ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

Kaum Muslimin, ummah al Quran yang dimuliakan Allah

Saya berpesan kepada diri saya sendiri dan kepada semua hadirin supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah dengan melakukan semua perintah Allah dan meninggalkan semua yang tidak diredai atau yang diharamkan Allah, moga hidup kita semua di dunia ini diberkati dan di akhirat nanti kita dirahmati Allah dengan syurgaNya.

Sempena dengan memperingati nuzul al Quran dan keberadaan kita di separuh akhir bulan Ramadan al mubaarak ini, khutbah jumaat hari ini akan membicarakan tajuk:

“NUZUL AL QURAN DAN MALAM “LAILATUL QADAR”

ANUGERAH AGUNG ALLAH DI BULAN RAMADAN”

Sidang Jumaat yang dimuliakan Allah

Anugerah Pertama : Nuzul Al Quran

Bulan Ramadan juga dikenali sebagai bulan al Quran, bulan yang telah dipilih oleh Allah untuk menuruni al Quran sebanyak 30 juzuk dari Luh mahfuz ke baitul izzah pada malam Lailatul Qadar, kemudian diturunkan kepada nabi Muhamad saw sedikit demi sedikit selama 23 tahun mengikut kesesuaian yang dikehendaki oleh Allah. Firman Allah azza wajalla dalam surah al-Baqarah ayat 185:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ

Ertinya: Bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan perbezaan antara yang benar dengan yang salah.

Al Quran yang suci lagi mulia ini telah dibawa oleh Malaikat yang agung lagi mulia, Jibril a. s, di malam yang mulia iaitu malam lailatu al Qadar diturunkan kepada insan yang paling mulia yang merupakan penghulu kepada semua nabi iaitu nabi Muhamad s.a.w. Firman Allah s.w.t dalam surah Al Qadar ayat:1:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ

Ertinya: *Sesungguhnya Kami menurunkan (Al-Quran) ini pada malam Lailatul-Qadar.*

Firman Allah Azza wajalla juga dalam surah Al-Dukhaan: 3 :

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةٍ مُبَارَكَةٍ

Ertinya : Sesungguhnya Kami turunkan Al-Quran itu pada malam yang diberkati.

Sidang Jumaat rahimakumullah

Antara tujuan utama Allah mewahyukan Al Quran kepada umat manusia ini adalah seperti berikut:

- 1- Sebagai petunjuk kehidupan manusia. Allah telah menciptakan langit dan bumi serta isinya, lalu Allah menjadikan manusia sebagai khalifah menjalani kehidupan dan memakmurkan bumi. Justeru, bagi menjamin kesempurnaan kehidupan manusia sesuai dengan fitrah kejadiannya Allah azzawajalla mewahyukan Al Quran sebagai panduan dan petunjuk yang terbaik untuk mereka. Firman Allah dalam Surah al – Isra”:9:

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ

أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا

Ertinya: Sesungguhnya Al Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul (ugama Islam), dan memberi berita yang mengembirakan orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka beroleh pahala yang besar.

- 2- Al Quran juga Allah turunkan sebagai penawar/Shifa' kepada segala penyakit dan masalah dalaman manusia dan pembawa rahmah kepada

manusia, yang mampu memberi ketenangan dan kebahagiaan hidup manusia di dunia, manakala di akhirat sudah tentu dengan rahmat ini akan memberi kebahagiaan syurga kepada mereka. Firman Allah dalam surah Yunus: ayat 58:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَتْكُمْ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ
وَشِفَاءٌ لِّمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ

Ertinya: “wahai manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Al Quran yang menjadi nasihat pengajaran dari Tuhan kamu, dan yang menjadi penawar bagi penyakit-penyakit batin yang ada di dalam dada kamu, dan juga menjadi hidayah petunjuk untuk keselamatan, serta membawa rahmat bagi orang-orang yang beriman” .

3- Al Quran juga Allah turunkan sebagai kitab bacaan dan zikir yang terbaik yang diberi ganjaran pahala yang berlipat ganda kepada pembaca.

Nabi saw bersabda dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Imam at Tirmizi:

مَنْ قَرَأَ حَرْفًا مِنْ كِتَابِ اللَّهِ فَلَهُ بِهِ حَسَنَةٌ وَالْحَسَنَةُ بِعَشْرِ أَمْثَلِهَا،
لَا أَقُولُ الْمَ حَرْفٌ وَلَكِنْ أَلِفٌ حَرْفٌ وَلامٌ حَرْفٌ وَمِيمٌ حَرْفٌ

Ertinya: ‘Siapa membaca satu huruf dari kitab Allah, baginya satu kebaikan, dan satu kebaikan itu akan meyamai sepuluh kebaikan, aku tidak maksudkan “alif lam mim” satu huruf, tetapi alif satu huruf, lam satu huruf dan mim satu huruf ‘.

Kaum muslimin yang dimuliakan Allah

Anugerah Kedua: Malam Lailatul Qadar

Anugerah terbesar kedua Allah kepada umat manusia di bulan Ramadhan ini ialah Malam Lailatul Qadar yang akan berlaku pada satu malam dari malam-malam Ramadhan terutama di sepuluh akhir bulan Ramadan.

Malam Lailatul Qadar adalah merupakan malam yang penuh dengan keberkatan, amal ibadah kita pada malam itu lebih baik dari kita beramal seribu bulan di bulan-bulan yang lain. Pada malam itu bumi akan dipenuhi oleh para malaikat Allah. Firman Allah dalam Surah al Qadar : 2-4. :

وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ ﴿٢﴾ لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ ﴿٣﴾

نَزَّلُ الْمَلَائِكَةَ وَالرُّوحَ فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ مِّنْ كُلِّ أَمْرٍ ﴿٤﴾

Ertinya: “dan apa jalannya engkau dapat mengetahui apa itu malam lailatul Qadar itu? Malam lailatul qadar adalah lebih baik daripada seribu bulan. Pada malam itu, turun malaikat dan Jibril dengan izin Tuhan mereka, kerana membawa segala perkara (yang ditakdirkan berlaku pada tahun yang berikutnya).

Malam Lailatul Qadar juga adalah malam yang penuh keberkatan yang Allah janjikan keampunannya kepada hamba-hambanya yang menghidupkan malam tersebut dengan amal ibadah kepadanya.

Sabda Nabi saw dalam Riwayat Bukhari dan Muslim:

مَنْ قَامَ لَيْلَةَ الْقَدْرِ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا، غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ،

Ertinya: 'Siapa yang menghidupkan malam Lailatul al Qadar dengan penuh keimanan dan mengharapakan keampunan Allah, Allah akan ampun dosa - dosanya yang lampau'.

Sidang Jumaat yang dimuliakan Allah

Sebagai kesimpulan, Khatib ingin mengajak semua para Jemaah kepada perkara-perkara berikut;

- 1- Marilah kita menambah kecintaan kita kepada Al Quran di bulan yang agung ini dengan banyak mendampingi dan meningkatkan bacaan Al Quran. Cubalah untuk khatam bacaan Al Quran di bulan ini walaupun sekali.
- 2- Berusaha untuk meningkat kualiti bacaan kita dan belajar untuk tadabbur serta memahami isi kandung Al Quran dengan selalu kita melihat terjemahannya dan menghadiri kelas-kelas Al Quran dan Tafsir.
- 3- Menghiasi rumah kita dengan cahaya Al Quran dengan memastikan anak-anak kita celik Al Quran dan sentiasa mengalunkan bacaan Al Quran.
- 4- Berusaha agar kehidupan kita seharian dipandu dengan petunjuk Al Quran.
- 5- Berusaha menghidupkan malam-malam Ramadan terutama sepuluh yang terakhir dengan solat terawih, bacaan al Quran, tahajjud, berzikir dan bersedekah, moga Allah kurniakan kita dengan malam Lailatul Qadar.

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم

إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا

وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تِجَارَةً لَّن تَبُورَ ﴿٢٩﴾

Sesungguhnya orang yang selalu membaca Kitab Allah, mendirikan sembahyang dan mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara berterang-terang, mereka mengharapkan sejenis perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،

وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ،

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ

فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْعَمَنَا بِنِعْمَةِ الْإِيمَانِ وَالْإِسْلَامِ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَأَتْبَاعِهِ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ
لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Ibadah puasa sepatutnya menyedarkan kita tentang keperitan golongan yang tidak bernasib baik dan kesusahan. Oleh itu, marilah kita menterjemahkan rasa keinsafan ini dengan menunaikan kewajipan berzakat, baik zakat fitrah mahupun zakat harta selain memperbanyakkan sedekah. Bersegeralah menunaikannya melalui pusat-pusat zakat yang diluluskan oleh MAIDAM ataupun kepada amil-amil bertauliah yang dilantik.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Di bulan Ramadhan dan hari Jumaat yang mulia ini, marilah kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا

تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنَ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ اشْفِ مَرَضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفَّ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ السُّلْطَانَ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِيِّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةِ تَرَعَكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا
وَالْآخِرَةِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.
اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكَو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ
مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ!

أَذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمُكُمُ اللَّهُ.